



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UHAS 2122
KOD KURSUS

COURSE NAME : CREATIVE AND CRITICAL THINKING
NAMA KURSUS : PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIF

YEAR / PROGRAMME : 2 / ALL PROGRAMMES
TAHUN / PROGRAM : 2 / SEMUA PROGRAM

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : MAC / APRIL 2017
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. Bahagian A: Jawab semua soalan di dalam **borang OMR** yang disediakan. **(40 Markah)**
2. Bahagian B: Jawab semua soalan di dalam **buku jawapan** yang disediakan. **(20 Markah)**

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 10 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 10 muka surat termasuk kulit hadapan

BAHAGIAN A: (40 MARKAH)

Jawab Semua Soalan di dalam borang OMR yang disediakan.

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai penjana akal secara radikal ?
 - A. Menghala kepada usaha berfikir yang bersungguh-sungguh apabila sesuatu hal atau perkara memerlukan kita untuk berfikir.
 - B. Merupakan satu sistem kebenaran tentang sesuatu yang dipersoalkan sebagai hasil daripada berfikir.
 - C. Menghala kepada satu usaha yang dilakukan dengan jalan berfikir ke arah mencari hakikat dengan jalan kebenaran dan kebaikan menerusi alat berfikir iaitu akal.
 - D. Menghala kepada usaha berfikir secara global tetapi bertindak secara lokal.

2. Apakah isi kandungan utama yang terdapat didalam buku "*Malays Overseas*" yang telah ditulis oleh Syed Hussein Al-Attas?
 - A. Orang Melayu membuka minda mereka kepada segala input ilmu pengetahuan dari serata dunia.
 - B. Suasana dan lingkungan yang asing menyebabkan orang Melayu tercacau dan mengalami satu bentuk kejutan budaya yang sangat hebat.
 - C. Input dan maklumat persekitaran diterjemahkan sesuai dengan budaya Melayu.
 - D. Pemikiran tidak menjadi sempit dan jumud telah menjadi keutamaan.

3. Mengapakah kebenaran dan kebaikan tidak akan diperoleh jika kita hanya menggunakan akal semata-mata?
 - A. Akal memerlukan kemahiran logik dalam menilai sesuatu kebenaran.
 - B. Akal membolehkan manusia berfikir dengan lebih kritis dan kreatif.
 - C. Akal tidak boleh berdiri sendiri tanpa adanya agama.
 - D. Sains dan teknologi membantu manusia menggunakan akal dengan lebih cekap

4. Apakah yang dimaksudkan sebagai daya fikir manusia?
 - A. Akal, roh, jasad, nafsu dan kalbu merupakan entiti kejadian setiap manusia.
 - B. Kekuatan dan kelemahan seseorang itu menggunakan akalnya untuk berfikir, khususnya yang berkaitan dengan permasalahan diri, alam dan Tuhan .
 - C. Akal merupakan sebahagian daripada entiti keseluruhan struktur fizikal dan kerohanian manusia.
 - D. Kebolehan seseorang itu berfikir dalam pelbagai perspektif serta tidak dipengaruhi oleh emosi dan perasaan.

5. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan nilai diri, ideologi, tradisi songsang dan media?
- Daya Fikir Manusia
 - Tabiat akal
 - Falsafah
 - Penyelesaian Masalah
6. "*Pemikiran kreatif dan kritis lebih didorong untuk mencari keredaan Allah s.w.t dengan menampilkan sesuatu yang boleh memberi manafaat kepada orang lain*".
Pernyataan ini telah dikemukakan oleh seorang ahli falsafah yang terkenal iaitu:
- Al-Imam Ghazali.
 - Mohd Salleh.
 - Ibnu Khaldun.
 - Abd. Ghani.
7. Tokoh ini mengibaratkan akal seumpama neraca yang sensitif yang digunakan untuk menimbang emas dan perak, siapakah beliau?
- Al-Imam Ghazali.
 - Mohd Salleh.
 - Ibnu Khaldun.
 - Abd. Ghani.
8. Berikut merupakan prinsip-prinsip berfikir dalam Islam **kecuali**;
- Hakikat
 - Kritis
 - Objektif
 - Telus
9. "*Orang ini tidak prihatin terhadap kesan daripada tindakannya, baginya bertindak amat mudah jika mengikut kebiasaan yang telah diamalkan sebelum ini*".
Pernyataan ini merujuk kepada:
- Berfikir – Bertindak
 - Berfikir – Tanpa bertindak
 - Bertindak – Tanpa berfikir
 - Tidak Bertindak – Tanpa Berfikir
10. Apakah yang dimaksudkan sebagai "*Pemikiran yang bebas tanpa sempadan*"?
- Pemikiran yang bebas daripada nilai, norma, leluhur dan agama.
 - Pemikiran global yang berasaskan sains tulen.
 - Pemikiran yang berkaitan dengan masyarakat luar dan ketamadunan.
 - Pemikiran yang seimbang dari segi budaya dan agama.

11. *"Ia merupakan proses di mana otak menerima maklumat daripada deria, menyusunnya semula dan memberi makna kepadanya"*.
Definisi persepsi ini dikemukakan oleh:
- A. Boon dan Ragbir (1998)
 - B. Solso (1991)
 - C. Edward de Bono (1969)
 - D. Newman (1983)
12. Apakah yang dimaksudkan dengan persepsi Auditori?
- A. Persepsi yang melibatkan deria pendengaran
 - B. Persepsi yang melibatkan deria penglihatan
 - C. Persepsi yang melibatkan deria rasa, bau dan sentuhan
 - D. Persepsi yang melibatkan proses berfikir dan logik
13. *"Kejadian ini terjadi apabila otak menerima sesuatu maklumat itu sebagai peristiwa, kejadian, dan perkara yang dicerap menerusi pancaindera secara mutlak"*.
Pernyataan ini merujuk kepada:
- A. Motivasi Diri
 - B. Mental Set
 - C. Penumpuan
 - D. Tempoh Masa
14. Antara berikut, yang manakah **bukan** kesilapan-kesilapan lazim yang dilakukan oleh persepsi?
- A. Persepsi Negatif
 - B. Persepsi wawasan sempit
 - C. Persepsi hitam-putih
 - D. Persepsi gelap.
15. Manakah antara berikut bukan tergolong dalam kategori pemikiran kritis pada tahap tinggi?
- A. Membanding dan membeza
 - B. Membuat ramalan
 - C. Mengusul periksa andaian
 - D. Membuat inferens
16. Antara berikut yang manakah **bukan** tergolong dalam stail kritis?
- A. Stail sistematik.
 - B. Stail reaktif.
 - C. Stail negatif.
 - D. Stail logikal.
17. Antara berikut yang manakah merupakan **kekurangan** pemikiran kritis
- A. Bersifat reaktif.
 - B. Sensitif dan prihatin.
 - C. Lebih berhemat dan bertanggungjawab.
 - D. Berjiwa besar, yakin dan berani.

18.

- Konsep menggunakan lambang perkataan atau bahasa.
- Mempertajamkan minda kritis terhadap sesuatu realiti.
- Membezakan dan mengkategorikan perkataan yang bersifat antonim, homonim, sinonim dan sebagainya.

Pernyataan di atas merujuk kepada;

- A. Banyakkan menyoal
- B. Membaca dan mencari maklumat
- C. Berdebat dan berhujah
- D. Bermain dengan bahasa

19. Aktiviti-aktiviti yang kompleks dalam kemahiran pemikiran makro adalah seperti berikut **kecuali**;

- A. Berimajinasi
- B. Menyusun maklumat
- C. Beramal
- D. Menaakul

Pemikiran memberi tumpuan kepada apa yang boleh dilakukan berbanding apa yang tidak boleh dilakukan. Menilai sesuatu kaedah itu secara realiti dan harus bersandarkan kekuatan logik semasa.

20. Pernyataan di atas merujuk kepada sifat pemikir kritis bagi;

- A. Analitikal
- B. Pragmatik
- C. Proaktif
- D. Konsisten

21. Bahagian otak ini cenderung kepada bahasa, matematik, logik, sekuens, linear dan analisis. Ia merujuk kepada;

- A. Otak Kiri
- B. Otak Kanan
- C. Otak Atas
- D. Otak Bawah

22. "*Maklumat yang diproses hasil cantuman ini kemudiannya akan di hantar kembali ke pancaindera untuk tindakbalas selanjutnya*"

Pernyataan ini merujuk kepada;

- A. Neuron
- B. Akson
- C. Dendrit
- D. Sinaps

23. Neuron merujuk kepada;

- A. Sel-sel otak yang berkembang biak dengan banyaknya setiap kali kita berfikir.
- B. Ranting-ranting halus dan kecil yang membawa maklumat ke badan sel.
- C. Saluran panjang yang mengubah maklumat dalam bentuk pulsa elektrik.
- D. Bertindak balas dengan menghantar maklumat.

24. "Pada tahap ini otak manusia berada dalam keadaan konsentrasi yang tinggi dan boleh menyelesaikan masalah yang mencabar".

Keadaan ini berlaku pada gelombang otak tahap;

- A. Beta
- B. Alpha
- C. Thetha
- D. Delta

25. Seorang pemikir yang berkesan haruslah mempunyai sikap seperti berikut **kecuali**:

- A. Tidak stereotaip dan prasangka
- B. Boleh membuat keputusan berasaskan maklumat
- C. Tidak takut / malu mengeluarkan idea/ pandangan
- D. Tidak mementingkan ketepatan

26. Agen pemikiran merujuk kepada;

- A. Baka
- B. Keluarga
- C. Pendidikan
- D. Semua di atas

27. Konsep pemikiran yang manakah **tidak benar**

- A. Pemikiran tak seberapa.
- B. Pemikiran memihak.
- C. Pemikiran libatkan ego.
- D. Pemikiran tidak beregoan.

28. "*Mereka lebih cenderung kepada bentuk, ruang, lukisan, corak, rentak dan irama.*"
Mereka terdiri daripada orang yang menggunakan;

- A. Otak Kanan
- B. Otak Kiri
- C. Dua-dua Otak
- D. Tiada Otak

29. *Machieavelli* di dalam falsafah pemikirannya amat popular dengan istilah:

- A. Matlamat tidak menghalalkan cara
- B. Matlamat menghalalkan cara
- C. Sesuatu yang bermakna adalah perlu
- D. Bercerai kita roboh bersatu kita teguh

30.

<ul style="list-style-type: none">• Tokoh ini berpegang kepada prinsip 'ratio' secara mutlak.• Manusia digerakkan atas nama akal semata-mata

Tokoh yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas ialah;

- A. Aristotle.
- B. Plato.
- C. Socrates.
- D. Descartes.

31. Penaakulan bermaksud;

- A. Proses penapisan maklumat mengikut kategori-kategorinya untuk mendapatkan maklumat yang terbaik.
- B. Proses perbezaan maklumat mengikut kategori-kategorinya untuk mendapatkan maklumbalas dari masalah.
- C. Proses menyelesaikan masalah dengan menggunakan metodologi saringan maklumat.
- D. Proses menggunakan fakta, pengetahuan dan strategi penyelesaian masalah untuk menghasilkan kesimpulan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

32. Apakah yang dimaksudkan sebagai falsafah berfikir secara sederhana?

- A. Daya usaha untuk memahami sistem metafizik, nilai, akhlak, aksiologi dan epistemologi.
- B. Sistem kebenaran tentang sesuatu yang dipersoalkan sebagai hasil daripada berfikir.
- C. Satu usaha yang dilakukan dengan jalan berfikir ke arah mencari hakikat dengan jalan kebenaran dan kebaikan menerusi alat berfikir iaitu akal.
- D. Satu usaha yang dilakukan untuk memahami dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari.

33. Pernyataan berikut merujuk kepada model berfikir yang datang dari barat yang mengandungi unsur negatif yang boleh menjejaskan akidah dan keimanan, **kecuali**:

- A. Tidak mementingkan motif-motif naluri (seperti teori Psikoanalisis-Freud) dalam hal acara berfikir.
- B. Ia tidak menekankan soal ketuhanan dan sang pencipta.
- C. Mereka menyatakan bahawa akal adalah sumber kuasa tanpa batas.
- D. Mereka memberi penekanan terhadap proses tingkah laku berbanding unsur-unsur rohani.

34. Teori Albert Einstein yang terkenal sehingga digunakan manusia untuk membina bom atom ialah;
- A. $A = a+b+c$
 - B. $E = mc^2$
 - C. $C = mc^3$
 - D. $R = mc^4$
35. Teori Psikoanalisis dipelopori oleh:
- A. Sigmund Frued.
 - B. Karl Max.
 - C. John Locke.
 - D. Benjamin Bloom.
36. Berikut adalah kegunaan logik **kecuali**:
- A. Mencari kaitan sebab-akibat antara perkara dengan perkara yang lain, satu peristiwa dengan peristiwa lain.
 - B. Membuat dan mengenalpasti andaian.
 - C. Untuk membuat kesimpulan tentang sesuatu.
 - D. Untuk mempertahankan hujah-hujah bagi menyokong atau menolak sesuatu idea, cadangan atau pandangan.
37. Faktor-faktor yang mempengaruhi daya fikir manusia adalah seperti berikut **kecuali**:
- A. Agama.
 - B. Hawa nafsu.
 - C. Cuaca.
 - D. Tradisi songsang.
38. Psikologi Pemikiran Islam berasaskan
- A. Al-Quran sahaja.
 - B. Al-Quran dan As-sunnah.
 - C. Akal.
 - D. Emosi.
39. Berikut merupakan elemen-elemen penting mengenai keutuhan berfikir cara Islam, **kecuali**
- A. Kesempurnaan wawasan
 - B. Kesatuan dan keharmonian
 - C. Keduniaan semata-mata
 - D. Hakikat
40. Padanan manakah **salah** mengenai manusia yang berfikir dan bertindak?
- A. Berfikir – bertindak – orang yang beruntung
 - B. Berfikir - bertindak – orang yang rugi
 - C. Bertindak – tanpa berfikir – orang yang terpelihara
 - D. Tidak berfikir – tanpa berfikir – orang yang malang

BAHAGIAN B : (20 Markah)

Jawab **Semua Soalan** di Dalam Buku Jawapan yang disediakan.

1. Konteks tidak formal lebih terbuka dan relaks. Terangkan **dua (2)** konteks tidak formal dalam prinsip menyoal?
(4 Markah)
2. Soalan secara lisan dibahagikan **dua (2)** jenis . Terangkan kedua-dua jenis soalan secara lisan?
(4 markah)
3. Jelaskan **dua (2)** kategori hujah beserta contoh.
(4 markah)
4. Terdapat **dua (2)** bentuk konsep yang popular. Huraikan.
(4 Markah)
5. Falasi terbagi kepada **dua (2)** bahagian iaitu Falasi Formal dan Falasi tidak Formal. Huraikan maksud falasi formal dengan falasi tidak formal beserta contoh.
(4 Markah)

~~SOALAN TAMAT~~
SELAMAT BERJAYA